

Konsert Gelora Seni SPS UMS tampil artis ternama, janji kepuasan

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

UB 01/10/2012 B14

KONSERT 'Gelora Seni' yang membariskan artis ternama dan menjanjikan persembahan memuaskan penonton bakal mengambil tempat di Dewan Resital Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS), pada 3 Oktober bermula 2.30 petang.

Dekan Sekolah Pengajian Seni (SPS), Prof Madya Dr Ismail Hj Ibrahim berkata barisan artis yang bakal tampil ialah artis kebanggaan Sabah, Dayang Noraini yang merupakan juara Sinaran Pasport kegemilangan TV3 1999 dan telah melahirkan album sulong berjudul 'Jangan Ambil Dia'.

"Dayang Noraini akan berkolaborasi bersama kumpulan Agung Beat Universiti Malaysia Sabah yang dinaungi Saudara Roslee Wahid yang baru-baru ini turut serta dalam Rainforest World Music Festival, Sarawak 2011 dan satu-satunya kumpulan muzik yang mewakili Malaysia pada persembahan tersebut," katanya.


Menurut Ismail, selain

itu artis yang terlibat dalam persembahan nyanyian ialah Sharip Zainal Sagkif yang merupakan johan dalam pertandingan Idola P.Ramlee dan Saloma peringkat kebangsaan 2010 (RTM dan JKKN).

"Dalam Konsert Gelora Seni ianya memberi suntikan kelainan dari konsert biasa dengan menampilkan persembahan tarian oleh Tang Sook Kuan Abdullah yang merupakan juara World Championship of Performing Arts (WCOPA) di Hollywood California. Julai 2012," katanya.

Turut tampil dalam konsert itu ialah kumpulan ARTUMS yang merupakan kelab kebanggaan SPS UMS yang telah menyertai pelbagai pertandingan persembahan tarian di dalam dan luar negara.



Pelbagai persembahan menarik lain turut diadakan dalam Konsert Gelora Seni itu seperti koir, band UMS dan teater. Konsert ini dibuka percuma kepada khalayak umum dan hadirin dijemput menonton beramai-ramai dengan tidak melepaskan peluang itu.



TANG Sook Kuan Abdullah (World Championship Of Performance Arts Hollywood 2012).



AGUNG Beat Feat Dayang Noraini.



BROSUR Konsert Gelora Seni

DAYANG NORAINI